

**“** Homogenus adalah kualiti persamaan atau keseragaman, umpamanya matlamat dan peranan bagi setiap bank di seluruh dunia, manakala heterogenus pula merujuk kepada dasar, syarat dan peraturan bank yang berbeza di setiap negara dan biasanya menimbulkan pertentangan”

**“** Oleh itu, teori homogeniti vs heterogeniti dalam sistem kewangan ini adalah sama dengan usaha negara maju untuk menghapuskan tarif import dan halangan lain yang matlamatnya adalah sama dengan gagasan globalisasi yang dilaungkan oleh Barat”

**“** Sebenarnya, dasar kewangan dunia adalah sesuatu yang sangat sukar untuk diselesaikan kerana ia membabitkan pelbagai peringkat kepentingan. Sama ada satu bentuk peraturan kewangan dunia yang seragam boleh dipersetujui oleh semua negara dunia hanya dapat ditentukan oleh masa”



mkamarul@nstp.com.my

## Teori Eatwell kupas kejatuhan bank

### Penyeragaman dasar kewangan dunia sukar dilaksana akibat pertentangan

**P**ROFESOR Dasar Kewangan Universiti Cambridge, Lord Eatwell, dalam satu wacana di Kuala Lumpur, Jumaat lalu, ber-cakap soal homogeniti vs heterogeniti (homogeneity vs heterogeneity) dalam sistem kewangan dan kaitannya dengan punca kejatuhan sistem bank yang mencetuskan kelesetan ekonomi dunia pada 2007.

Baginya, dalam keadaan dunia yang menjurus ke arah masyarakat dunia yang homogenus, sebaliknya peraturan yang wujud di negara-negara dunia hari ini adalah dalam bentuk heterogenus yang menyukarkan urusan antara bank.


Homogenus adalah kualiti persamaan atau keseragaman, umpamanya matlamat dan peranan bagi setiap bank di seluruh dunia, manakala heterogenus pula merujuk kepada dasar, syarat dan peraturan bank yang berbeza di setiap negara dan biasanya menimbulkan pertentangan.

Sebagai contoh, dalam sistem perbankan di seluruh dunia, semua bank melaksanakan perniagaan sama, iaitu menyediakan kemudahan dan menguruskan wang pelanggan - menyimpan, melaburkan wang, membeli bon kerajaan dan sebagainya. Tetapi peraturan dan dasar kewangan yang ditetapkan adalah berbeza di antara satu negara dengan negara lain atau mungkin juga dari satu bank ke satu bank yang lain.

Peraturan dan dasar bank di Amerika Syarikat dengan di China adalah berbeza, begitu juga di Jepun dan Australia atau di Afrika dan Malaysia, sedangkan dalam sistem perniagaan dunia hari ini, setiap bank berurusan sesama sendiri, terutama apabila membabitkan urusan perniagaan eksport-import.

Eatwell yang juga Pengarah Pusat Analisis Kewangan dan Dasar di Judge Business School, Universiti Cambridge berpendapat keadaan ini mewujudkan jurang yang luas dan menjadi antara penyebab kejatuhan sistem bank yang berpunca dari suasana homogeniti vs heterogeniti ini.

Punca lain yang dianggap kritikal ialah sistem pengurusan bank yang salah apabila tanggungan di kebanyakan bank ketika kejatuhan sistem bank itu berlaku adalah lebih besar daripada aset. Sepatutnya, aset mestilah lebih besar daripada tanggungan. Kelemahan dalam melaksanakan pengurusan



EATWELL ketika berucap pada satu wacana di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

risiko juga adalah antara penyebab kepada keadaan itu berlaku.

Baginya, pendekatan homogeniti akan mengukuhkan matlamat bersama, meningkatkan profesionalisme, mewujudkan kaedah, model dan peraturan sama, di samping menggalakkan penubuhan konglomerat dan mampu mencetuskan ketelusan. Sebaliknya, heterogeniti akan menimbulkan porak peranda kerana berbeza peraturan.

Eatwell berada di negara ini atas jemputan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam siri Wacana Perniagaan dan Pengurusan.

Eatwell menyebut perakuan Menteri Kewangan Kumpulan 7 (G7) pada April 2008, yang menyatakan bahawa 'aspek jelas menyebabkan keruntuhan bank adalah kelemahan dan kegagalan peraturan canggi dalam pengurusan risiko.'

Beliau juga menyebut kenyataan bekas Pengerusi Simpanan Negara Amerika Syarikat, Alan Greenspan

pada 23 Oktober 2008 yang mengesahkan: 'paradigma pengurusan risiko moden mula goyah sejak beberapa dekad' dan runtuh pada musim bunga 2007.

Pandangan Eatwell mengenai homogeniti vs heterogeniti, jika dijadikan teori dan dilaksanakan ia mungkin menghasilkan sesuatu yang sempurna. Tetapi, biasanya apa juga yang datang dari Barat, biasanya diragui dan dilihat sebagai ada udang di sebalik batu. Apa juga dasar dan peraturan baru yang datangnya dari Barat akan dilihat sebagai agenda halus negara kuasa besar dunia tanpa mengambil kira kepentingan negara lain.

Di sesetengah negara, mereka mempunyai dasar yang berbeza dan dirumuskan mengikut acuan budaya di negara masing-masing kerana mereka mempunyai sesuatu untuk dilindungi. Di negara-negara tertentu, mereka mempunyai dasar yang dirumuskan untuk mengawal keharmonian rakyat dan ketenteraman negara.

Malaysia juga mempunyai pelbagai dasar yang dirumuskan di Parlimen untuk memastikan kedaulatan negara terus dilindungi. Untuk menyeragamkan dasar bagi setiap negara di dunia, adalah dianggap mustahil.

Lihat sajalah peraturan yang ditetapkan bagi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang tujuannya untuk menyeragamkan peraturan perdagangan antarabangsa untuk keseragaman seluruh dunia, mendapat bantahan sehingga hari ini. Bagi sesetengah negara, mereka menganggap ini adalah pencerobohan bentuk baru ke atas negara-negara membangun dan miskin.

Walaupun matlamatnya adalah untuk membantu negara pengeluar barangan dan perkhidmatan, pengeksport dan pengimport mengurus perniagaan mereka, tetapi mereka juga melihat tangan-tangan yang tersembunyi dengan matlamat sulit untuk mencerooboh atas nama perdagangan bebas.

Oleh itu, teori homogeniti vs heterogeniti dalam sistem kewangan ini adalah sama dengan usaha negara maju untuk menghapuskan tarif import dan halangan lain yang matlamatnya adalah sama dengan gagasan globalisasi yang dilaungkan oleh Barat.

Sebenarnya, dasar kewangan dunia adalah sesuatu yang sangat sukar untuk diselesaikan kerana ia membabitkan pelbagai peringkat pertentangan. Sama ada satu bentuk peraturan kewangan dunia yang seragam boleh dipersetujui oleh semua negara dunia hanya dapat ditentukan oleh masa.

Ia memerlukan satu bentuk transformasi yang menyeluruh dalam suasana ekonomi dunia yang mencabar. Tentunya, ia bukan saja membabitkan pendekatan peraturan, tetapi juga pendekatan undang-undang. Ini belum dilihat dalam konteks pertentangan antara Barat dan Timur.

Bolehkah peraturan baru antarabangsa ini diterima di Timur - dari negara China hingga Australia. Bagaimana pula dengan keadaan pergantungan eksport pada masa akan datang? Apakah perbezaan yang wujud antara Timur dan Barat? dan bagaimana pula dengan masa depan China, India, Indonesia dan Australia?

Eatwell mengaku bahawa Timur dan Barat sepatutnya diasingkan. Timur perlu mempunyai peraturannya sendiri.

#### BERITA MINGGU

PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP: Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa  
 PENGARANG KUMPULAN BHSB: Datuk Mior Kamarul Shahid  
 TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BHSB: Mahfar Ali  
 PENGARANG EKSEKUTIF BERITA: Norhayati Md Said  
 PENGARANG EKSEKUTIF PENGELOUPAN: Abdul Razak Raffles  
 PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA: Zainor Said